

BAHARUDDIN menunjukkan
longkang dipenuhi semak.



FAKTA

**Longkang bersemak
turut menarik
kehadiran haiwan
berbisa**

Parit tersumbat

■ Sistem saliran gagal diselenggara undang banjir kilat

Oleh Nor Shafinaz Sari

am@hmetro.com.my

Melaka

Penduduk Kampung Jalan Pulau Gadong, Klebang Besar, di sini, melahirkan rasa kecewa apabila sistem perparitan yang tidak sistematik dan diselenggara sejak sekian lama sering mengakibatkan masalah banjir kilat.

Mereka mendakwa longkang yang dibina di kam-

pung mereka sangat kecil dan tidak dapat menampung kuantiti air ketika hujan lebat.

Difahamkan, longkang berkenaan tidak pernah diselenggara sehingga dipenuhi semak.

Penduduk, Norsiah Manap, 49, berkata, mereka sudah beberapa kali membuat aduan kepada pihak berkenaan namun sehingga kini tiada tindakan diambil.

“Longkang di kawasan ini sangat sempit dan cetek. Ia tidak dapat menampung air apabila hujan lebat.

“Pihak berkenaan sepatutnya membina longkang lebih besar dan sempurna serta diselenggara secara kerap,” katanya.

Menurut Norsiah, dia tidak faham mengapa longkang dibina di kawasan kampungnya kecil kerana lokasi itu berisiko berlaku banjir kilat apabila hujan lebat.

Penduduk, Baharuddin Abdul Manan, 67, berkata, longkang yang tidak diselenggara itu bukan saja menyebabkan masalah banjir malah menarik kehadiran binatang liar dan berbisa.

“Penduduk pernah tersempak ular sawa di dalam longkang ini menyebabkan mereka bimbang keselamatan anak-anak” katanya.